



MALAYSIA

Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DI-TERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 16  
No. 19

14hb September, 1972

TAMBAHAN No. 61  
PERUNDANGAN (4)

P.U. (A) 290.

AKTA PENDAFTARAN JURUTERA, 1967

PADA menjalankan kuasa<sup>2</sup> di-bawah sekshen 26 Akta Pendaftaran 66/67. Jurutera, 1967, Lembaga Jurutera dengan kelulusan Menteri, dengan ini membuat kaedah<sup>2</sup> berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Kaedah<sup>2</sup> ini boleh-lah di-namakan Kaedah<sup>2</sup> Pendaftaran Jurutera, Nama dan 1972. namula ber-kuasa.
2. Dalam kaedah<sup>2</sup> ini, melainkan jika kandongan ayat-nya meng-hendaki makna yang lain— Tafsiran.

“Jurutera Profesional dalam Amalan Persendirian” erti-nya sa-saorang Jurutera Profesional Berdaftar (lain daripada sa-saorang pekerja bergaji) yang bertugas dalam memberi nasihat mengenai perkara<sup>2</sup> kejuruteraan atau dalam merekabentuk dan menyelia pembinaan kerja<sup>2</sup> kejuruteraan sama ada atau tidak ia bertugas sa-demikian sa-orang diri atau dengan berkongsi;

“Setiausaha” atau “Setiausaha<sup>2</sup>” erti-nya orang atau firma setiausaha<sup>2</sup> profesional atau firma akauntan<sup>2</sup> profesional yang di-lantek oleh Lembaga di-bawah kaedah 10;

“Yang di-Pertua” erti-nya Yang di-Pertua Lembaga Jurutera, yang di-lantek di-bawah sekshen 3 Akta itu.

BAHAGIAN II  
PENTADBIRAN

3. Pendaftar hendak-lah memanggil suatu meshuarat Lembaga apabila jua di-minta berbuat demikian oleh Yang di-Pertua atau dengan bertulis oleh tidak kurang daripada lima orang ahli Lembaga. Meshuarat<sup>2</sup> Lembaga.

- Pemberitahu meshuarat.**
4. (1) Suatu pemberitahu bertulis tidak kurang daripada empat belas hari terlebih dahulu hendak-lah di-beri menyatakan tempat, tarikh dan masa sa-suatu meshuarat dan urusan yang akan di-jalankan dalam meshuarat itu.
  - (2) Ketinggalan yang taksengaja daripada memberi pemberitahu mengenai sa-suatu meshuarat di-bawah kaedah ini kepada sa-orang atau beberapa orang ahli Lembaga atau ketidakan di-terima pemberitahu mengenai-nya tidak boleh dengan apa<sup>2</sup> chara menyentoh sah-nya meshuarat itu atau apa<sup>2</sup> juga yang di-persetuju<sup>i</sup> dalam meshuarat itu.
- Undi.**
5. Sa-suatu ketetapan hendak-lah di-chadangkan dan di-sokong sebelum di-kemukakan untuk di-undi. Pengundian hendak-lah di-jalankan dengan chara mengangkat tangan atau chara undi sulit mengikut sa-bagaimana yang di-putuskan oleh Yang di-Pertua atau ahli yang mempengerusikan meshuarat itu. Sa-suatu perishtiharan oleh Yang di-Pertua atau ahli yang mempengerusikan meshuarat itu bahawa suatu ketetapan telah di-luluskan dengan lebhsuara yang tertentu, atau tidak di-luluskan dengan lebhsuara yang tertentu ada-lah muktamad, dan suatu chatitan yang bermaksud demikian itu dalam minit meshuarat ada-lah menjadi keterangan muktamad mengenai-nya tanpa bukti mengenai bilangan atau nisbah undi yang di-rekodkan sa-bagai menyokong atau menentang ketetapan itu.
- Proksi tidak di-benarkan.**
6. Undi hendak-lah di-beri hanya oleh ahli<sup>2</sup> yang hadhir dan mengundi.
- Minit.**
7. Minit bagi tiap<sup>2</sup> meshuarat hendak-lah di-simpan oleh Setiausaha atau Setiausaha<sup>2</sup> dar minit itu, jika berupa sa-bagai di-tandatangani oleh Yang di-Pertua atau ahli yang mempengerusikan meshuarat yang berikut-nya ada-lah menjadi keterangan muktamad mengenai nyataan<sup>2</sup> yang di-nyatakan dalam-nya itu.
- Jawatankuasa.**
8. (1) Lembaga boleh dari sa-masa ka-samasa dengan ketetapan melantek jawatankuasa<sup>2</sup> dari antara ahli<sup>2</sup>-nya termasok Yang di-Pertua yang, jika hadbir, hendak-lah mempengerusikan sa-suatu meshuarat jawatankuasa yang ia ada-lah sa-orang ahli-nya; dan Lembaga boleh dengan ketetapan pada bila<sup>2</sup> masa membubarkan sa-suatu jawatankuasa yang di-lantek sa-demikian.
  - (2) Sa-suatu jawatankuasa yang di-Jantek di-bawah perenggan (1) boleh menjemput sa-saorang menghadiri meshuarat-nya dan mengambil bahagian dalam perbinchangan-nya tetapi orang itu tidak-langsung mempunyai apa<sup>2</sup> juga undi.
  - (3) Pendaftar hendak-lah menjadi sa-orang ahli ex-officio bagi semua jawatankuasa.
- Pendaftar.**
9. (1) Pendaftar hendak-lah berunding dengan Yang di-Pertua atas sa-suatu urusan yang lain daripada suatu urusan biasa yang memerlukan perhatian sa-belum tiap<sup>2</sup> satu meshuarat Lembaga.
  - (2) Pendaftar boleh menerima apa<sup>2</sup> saran sa-bagaimana yang di-putuskan oleh Lembaga daripada kumpulan wang Lembaga.
- Setiausaha.**
10. (1) Lembaga boleh melantek sa-saorang atau suatu firma setiausaha<sup>2</sup> profesional atau firma akauntan<sup>2</sup> profesional untuk bertugas sa-bagai Setiausaha atau Setiausaha<sup>2</sup> bagi Lembaga.
  - (2) Setiausaha atau Setiausaha<sup>2</sup> itu hendak-lah menyimpan minit bagi semua meshuarat Lembaga dan jawatankuasa<sup>2</sup>nya dan hendak-lah menghantar pemberitahu mengenai meshuarat dan menjalankan apa<sup>2</sup> tugas lain sa-bagaimana yang di-tentukan oleh Lembaga.

(3) Setiausaha atau Setiausaha<sup>2</sup> itu hendak-lah menerima dan bertanggongjawab atas segala wang yang kena di-bayar kapada Lembaga dan hendak-lah mengemukakan—

- (a) dalam tiap<sup>2</sup> satu meshuarat Lembaga suatu penyata akaun menunjukkan penerimaan<sup>2</sup> dan perbelanjaan saperti pada hari yang akhir dalam bulan yang lalu; dan
- (b) tidak lewat daripada 30hb September dalam tiap<sup>2</sup> satu tahun akaun<sup>2</sup> yang di-udit bagi tahun kewangan yang lalu.

(4) Setiausaha atau Setiausaha<sup>2</sup> boleh menerima apa<sup>2</sup> saraan sa-bagaimana yang di-putuskan oleh Lembaga daripada kumpulan wang Lembaga.

11. Semua bayaran yang di-terima hendak-lah di-depositkan dalam kredit akaun Lembaga dengan suatu bank atau bank<sup>2</sup> yang di-luluskan oleh Lembaga; dengan sharat bahawa Setiausaha atau Setiausaha<sup>2</sup> boleh menyimpan sa-bagai wangtunai runcit sa-jumlah wang tidak lebih dari pada lima puluh ringgit. Akaun bank.

12. Semua chek atas akaun bank Lembaga hendak-lah, melainkan jika dan sa-hingga di-tetapkan sa-lainnya dari sa-masa ka-samasa oleh Lembaga, di-tandatangani oleh Yang di-Pertua atau, jika ia tidak ada, oleh sa-orang ahli yang di-lantek bagi maksud itu oleh Lembaga dan dua orang ahli Lembaga itu yang lain. Chek.

13. (1) Lembaga hendak-lah mengarahkan supaya akaun dan rekod Akaun yang sa-patut di-simpan dan di-senggara berhubung dengan—

- (a) aset dan tanggongan Lembaga;
- (b) jumlah wang yang di-terima dan di-belanjakan oleh atau dibawah kuasa Lembaga.

(2) Buku<sup>2</sup> akaun dan rekod<sup>2</sup> hendak-lah di-simpan dalam jagaan Setiausaha atau Setiausaha<sup>2</sup> atau di-sasuuatu tempat sa-bagaimana yang di-putuskan oleh Lembaga.

14. Maka boleh-lah di-bayar kapada ahli<sup>2</sup> Lembaga apa<sup>2</sup> elau kerana menghadiri meshuarat<sup>2</sup> Lembaga atau jawatankuasa<sup>2</sup>-nya, apa<sup>2</sup> perbelanjaan perjalanan atau elau hidup yang berpatutan kerana berada luar dari pekan tempat tinggal mereka bagi menjalankan tugas<sup>2</sup> Lembaga. Perbelanjaan Lembaga.

15. Akaun<sup>2</sup> Lembaga hendak-lah di-udit sa-kurang<sup>2</sup>-nya sa-kali tiap<sup>2</sup> Odit tahun oleh suatu firma juru<sup>2</sup> odit yang berkelayakan dari segi profesyen yang akan di-lantek oleh Lembaga.

16. Tahun kewangan bagi Lembaga ada-lah berakhir pada 30hb Jun. Tahun kewangan.

### BAHAGIAN III

#### PENDAFTARAN JURUTERA<sup>2</sup> SISWAZAH DAN JURUTERA<sup>2</sup> PROFESSIONAL

17. (1) Tiap<sup>2</sup> orang yang berkehendak di-daftarkan sa-bagai sa-orang Jurutera Siswazah di-bawah Akta itu hendak-lah membuat permohonan kapada Pendaftar dalam Borang A dalam Jadual Pertama. Borang Permohonan.

(2) Tiap<sup>2</sup> orang yang berkehendak di-daftarkan sa-bagai sa-orang Jurutera Profesional di-bawah Akta itu hendak-lah membuat permohonan kapada Pendaftar dalam Borang B dalam Jadual Pertama.

Permohonan hendak-lah di-sampaikan untuk pertimbangan Lembaga.

Pemohon hendak-lah di-beritahu.

Bayaran pendaftaran dan kemungkinan membayar bayaran itu.

Borang perakuan pendaftaran.

Bayaran pembaharuan.

Pengalaman praktik.

Tarif "majikan".

18. (1) Tiap<sup>2</sup> permohonan untuk pendaftaran yang di-buat di-bawah kaedah 17 yang di-sertai dengan suratan<sup>2</sup> penyokongan yang perlu hendak-lah di-sampaikan kapada Lembaga untuk pertimbangan dalam tempoh empat belas hari sa-lepas permohonan itu di-terima.

(2) Tiap<sup>2</sup> permohonan untuk pendaftaran yang di-sampaikan kapada Lembaga di-bawah perenggan (1) hendak-lah di-putuskan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh permohonan itu di-sampaikan.

19. Tiap<sup>2</sup> pemohon hendak-lah di-beritahu mengenai keputusan Lembaga oleh Pendaftar dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu.

20. (1) Sa-saorang yang permohonan-nya untuk pendaftaran sa-bagai sa-orang Jurutera Profesional telah di-luluskan hendak-lah dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pemberitahu di-bawah kaedah 19 membayar bayaran pendaftaran sa-banyak satu ratus ringgit.

(2) Tiada apa<sup>2</sup> bayaran pendaftaran boleh di-kenakan berkenaan dengan pendaftaran sa-saorang Jurutera Siswazah.

(3) Kemungkinan membayar bayaran pendaftaran dalam tempoh yang di-nyatakan di-bawah perenggan (1) hendak-lah di-kira sa-bagai permohonan itu telah di-tarekbalek oleh orang itu dan tiada apa<sup>2</sup> permohonan daripada-nya boleh di-pertimbangkan sa-belum tamat satu tahun dari tarikh permohonan-nya yang dahulu telah di-luluskan:

Dengan sharat Lembaga boleh mempertimbangkan sa-suatu permohonan yang di-terima sa-belum tamat tempoh yang tersebut di-atas itu jika ia berpuashati bahawa kemungkinan membayar bayaran pendaftaran itu ia-lah oleh kerana sa-suatu sebab yang menasabah.

21. (1) Sa-suatu perakuan pendaftaran yang di-keluarkan di-bawah sekshen 10 (1) Akta itu hendak-lah dalam Borang C dalam Jadual Pertama.

(2) Sa-suatu perakuan yang di-keluarkan di-bawah sekshen 10 (2) Akta itu hendak-lah dalam Borang D dalam Jadual Pertama.

(3) Semua perakuan pendaftaran yang di-keluarkan di-bawah Akta itu hendak-lah di-tandatangani oleh Pendaftar dan di-meterikan dengan meteri Lembaga.

22. Bayaran pembaharuan bagi perakuan pendaftaran ia-lah lima puluh ringgit.

23. (1) Pengalaman praktik yang di-kehendaki di-perolehi oleh sa-saorang Jurutera Siswazah Berdaftar di-bawah sekshen 10 (1) (b) Akta itu untuk berhak memohon pendaftaran sa-bagai sa-orang Jurutera Profesional ia-lah pekerjaan sa-bagai sa-orang Jurutera dengan memuaskan hati majikan-nya bagi suatu tempoh minima sa-lama dua tahun di-mana<sup>2</sup> jabatan atau pehak-berkuasa yang di-senaraikan dalam Jadual Kedua.

(2) Sa-saorang Jurutera Siswazah Berdaftar yang memohon pendaftaran sa-bagai sa-orang Jurutera Profesional mesti-lah menyampaikan bersama dengan permohonan-nya bukti dengan bertulis bahawa ia telah mematohi kehendak<sup>2</sup> perenggan (1).

#### BAHAGIAN IV TATA TINGKAH-LAKU PROFESIONAL

24. Melainkan jika di-peruntukkan sa-lain-nya dengan nyata, perbahasaan "majikan" hendak-lah, bagi maksud<sup>2</sup> Bahagian ini, termasuk pelanggan.

25. Sa-saorang Jurutera Berdaftar hendak-lah bertingkah-laku sa-chara yang boleh mempertahankan kemuliaan, pendirian dan nama-baik profeshen-nya. Tingkah-laku Jurutera Berdaftar.
26. Sa-saorang Jurutera Berdaftar dalam tanggongjawab-nya kapada majikan dan profeshen-nya hendak-lah memberi perhatian penoh terhadap kepentingan awam. Tanggong-jawab kapada majikan dan profeshen.
27. Sa-saorang Jurutera Berdaftar hendak-lah menunaikan kewajipan<sup>2</sup>-nya kapada majikan-nya dengan penoh kesetiaan. Ia tidak boleh menerima saraan bagi perkhidmatan<sup>2</sup> yang di-beri melainkan daripada majikan-nya atau dengan kebenaran majikan-nya. Menunaikan kewajipan.
28. Sa-saorang Jurutera Berdaftar tidak boleh, dengan niat jahat, membenchanakan atau chuba membenchanakan, sama ada sa-chara langsung atau sa-chara taklangsung nama-baik, pengharapan atau urusan profesional sa-orang Jurutera Berdaftar yang lain. Nama-baik dsb. sa-saorang Jurutera Berdaftar tidak boleh di-benchanakan.
29. Sa-saorang Jurutera Berdaftar tidak boleh, dengan chara yang tidak sa-patuT-nya, memujok<sup>2</sup> atau meminta<sup>2</sup> pekerjaan profesional dan juga tidak boleh menawar hendak memberi bayaran dengan jalan kamsen atau lain<sup>2</sup> supaya pekerjaan itu di-adakan. Ia tidak boleh mengiklan kechualan bagi maksud mendapatkan sa-suatu jawatan bergaji sa-bagaimana di-benarkan oleh Lembaga. Memujok<sup>2</sup> dan mengiklan di-larang.
30. Sa-saorang Jurutera Profesional dalam Amalan Persendirian tidak boleh menjalankan amalan kejuruteraan dengan sa-saorang yang pen-daftaran-nya telah di-batalkan melainkan jika nama orang itu telah di-masukkan sa-mula dalam daftar di-bawah sekshen 17 (1) Akta itu. Sa-saorang Jurutera Profesional naI dalam Amalan Persendirian tidak boleh menjalankan amalan dengan sa-saorang yang pen-daftaran-nya telah di-batalkan.
31. Sa-saorang Jurutera Berdaftar tidak boleh menggunakan peluang sa-suatu kedudukan bergaji untuk berbadi dengan Jurutera<sup>2</sup> Profesional dalam Amalan Persendirian. Sa-saorang Jurutera Berdaftar yang bergaji tidak boleh berbadi dengan Jurutera Profesional dalam Amalan Persendirian.
32. (1) Tiada sa-saorang Jurutera Berdaftar, lain daripada sa-orang Jurutera Profesional dalam Amalan Persendirian, boleh menyampaikan plan<sup>2</sup> atau lukisan<sup>2</sup> kapada sa-saorang atau sa-suatu pehak-berkuasa dalam Persekutuan melainkan jika plan<sup>2</sup> atau lukisan<sup>2</sup> itu ada-lah berkenaan dengan alat kelengkapan, loji atau keluaran<sup>2</sup> teristikewa yang di-kilang atau di-jual oleh majikan<sup>2</sup> atau firma-nya, atau berkenaan dengan kerja<sup>2</sup> kejuruteraan dan bangunan<sup>2</sup> kepunyaan-nya sendiri atau kepunyaan majikan-nya. Sekatan dari menyampaikan plan<sup>2</sup> dan lukisan<sup>2</sup>.
- (2) Bagi maksud<sup>2</sup> kaedah ini, "majikan" tidak-lah termasuk pelanggan. Sekatan dari membuat pembayaran<sup>2</sup> atau menerima kontrek<sup>2</sup>.
33. Sa-saorang Jurutera Profesional dalam Amalan Persendirian tidak boleh menjadi suatu perantaraan bagi pembayaran yang di-buat bagi pehak pelanggan-nya melainkan jika ia di-minta sa-demikian oleh pelanggan-nya dan juga tidak boleh, berhubong dengan kerja yang bagi-nya ia di-ambilkerja, membuat kontrek<sup>2</sup> atau membuat pesanan<sup>2</sup> kechualan dengan kuasa dan bagi pehak pelanggan-nya. Sekatan dari membuat pembayaran<sup>2</sup> atau menerima kontrek<sup>2</sup>.
34. Sa-saorang Jurutera Profesional dalam Amalan Persendirian tidak boleh tanpa persetujuan Lembaga membuat perkongsian profesional dengan sa-saorang, lain daripada sa-saorang Jurutera Profesional dalam Amalan Persendirian, sa-saorang Akitek Berdaftar, sa-saorang Jurukor Berdaftar atau sa-saorang Jurukor Tanah Berlesen. Sekatan dari membuat perkongsian profesional.

Sa-saorang Jurutera Profesional dalam Amalan Persendirian tidak boleh champortangan dalam atau mengambil alih kerja sa-orang lain.

Sa-saorang Jurutera Profesional dalam Amalan Persendirian tidak boleh menjadi kontreker.

35. Sa-saorang Jurutera Profesional dalam Amalan Persendirian tidak boleh, sa-chara langsung atau sa-chara taklangsung, menchuba mengusir-ganti sa-orang Jurutera Profesional lain dalam Amalan Persendirian dan juga ia tidak boleh champortangan atau chuba champortangan dalam atau berhubong dengan apa<sup>2</sup> jenis kerja kejuruteraan yang ia tahu telah pun di-amanaikan kapada sa-orang Jurutera Profesional lain dalam Amalan Persendirian dan juga ia tidak boleh mengulangkaji atau mengambil alih kerja Jurutera lain itu yang bertugas bagi majikan yang sama, sa-hingga ia telah sama ada mendapat persetujuan Jurutera itu atau di-beritahu dengan rasmi oleh majikan itu bahawa pertugasan Jurutera itu bagi kerja itu telah di-tamatkan dengan sa-patut-nya.

36. (1) Sa-saorang Jurutera Profesional dalam Amalan Persendirian tidak boleh menjadi sa-saorang kontreker pada masa yang sama.

(2) Sa-saorang Jurutera Profesional dalam Amalan Persendirian tidak boleh bertugas dalam suatu jawatan profesional bagi sa-saorang majikan dan sa-saorang kontreker atas projek yang itu juga melainkan atas arahan<sup>2</sup> tertentu dari majikan itu.

#### JADUAL PERTAMA

##### BORANG A

##### KAEDAH<sup>2</sup> PENDAFTARAN JURUTERA, 1972

(Kaedah 17)

Borang permohonan untuk pendaftaran sa-bagai sa-orang Jurutera Siswazah di-bawah sekshen 10 Akta Pendaftaran Jurutera, 1967.

*(Hendak-lah di-isi oleh Pemohon dalam HURUF CHERAI :)*

Nama Keluarga: .....

Lain<sup>2</sup> Nama: .....

Jantina: ..... Tarikh Lahir: .....

Tempat Lahir: .....

Kewarganegaraan: ..... Bangsa: .....

Kad Pengenalan/Paspot No.: ..... R.....

Tempat dan Tarikh Pengeluaran: .....

Alamat Urusan Biasa: .....

Tal. No.: .....

Alamat Pos (jika lain daripada di-atas): .....

*Kelulusan<sup>2</sup> Akademik:*

*Kelulusan<sup>2</sup> / Latehan Profesional, jika ada:*

*Penalti bagi Mengakudiri Sa-chara Palsu, Seksyen 24 (a) Akta Pendaftaran Jurutera, 1967: "Sa-saorang yang mendapatkan atau cuba mendapatkan pendaftaran atau suatu perakuan pendaftaran di-bawah Akta ini dengan di-ketahui-nya membuat atau mengemukakan atau menyebab di-buat atau di-kemukakan sa-suatu akuan, perakuan, permohonan atau pernyataan palsu atau tipuan sama ada dengan bertulis atau sa-lain-nya ada-lah melakukan suatu kesalahan di-bawah Akta ini dan boleh apabila di-thabitkan di-kenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit".*

*Akuan untuk di-tandatangani oleh Pemohon:*

Kapada Pendaftar,  
Lembaga Jurutera Malaysia,

Saya yang bertandatangan di-bawah ini dengan ini memohon untuk di-daftarkan sa-bagai sa-orang Jurutera Siswazah dan membuat akuan seperti berikut:

Saya dengan ini bersetuju untuk mematuhi Kaedah<sup>2</sup> Jurutera, 1972 termasok Tata Tingkah-laku Profesional.

*Tarikh.....* ..... *Tandatangan Pemohon*

**PERINGATAN:**

Pemohon hendak-lah mengemukakan salinan<sup>2</sup> yang di-perakui atau salinan<sup>2</sup> fotostat bagi surat<sup>2</sup> akuan, perakuan<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> suratan yang berkaitan bagi menyokong permohonan.

**Bagi Kegunaan Pejabat Sahaja**

Tarikh Di-terima: .....

Tarikh Di-edarkan kepada Ahli<sup>2</sup> Lembaga: .....

Keputusan Lembaga: .....

Di-luluskan: .....

Di-tolak: .....

Di-tanggohkan: .....

Sebab<sup>2</sup>: .....

.....  
Tarikh Pemohon Di-beritahu: .....

Tarikh Bayaran Pendaftaran Di-terima: .....

Resit No.: .....

Di-hantar pada: .....

Di-chatitkan dalam Daftar: .....

No. Siri: .....

## BORANG B

KAEDAH<sup>2</sup> PENDAFTARAN JURUTERA, 1972

(Kaedah 17)

Borang permohonan untuk pendaftaran sa-bagai sa-orang Jurutera Profesional di-bawah sekshen 10 Akta Pendaftaran Jurutera, 1967.

(*Hendak-lah di-isi oleh Pemohon dalam HURUF CHERAI:*)

Nama Keluarga: .....

Lain<sup>2</sup> Nama: .....

Jantina: ..... Tarikh Lahir: .....

Tempat Lahir: .....

Kewarganegaraan..... Bangsa: .....

Kad Pengenalan/Pasport No.: .....

Tempat dan Tarikh Pengeluaran: .....

Alamat Urusan Biasa: .....

Tal. No.: .....

Alamat Pos (jika lain daripada yang di atas): .....

*Kelulusan<sup>2</sup> Akademik:*

*Kelulusan/Latehan Profesional:*

*Penalti bagi Mengakudiri Sa-chara Palsu:* Sekshen 24 (a) Akta Pendaftaran Jurutera, 1967: "Sa-saorang yang mendapatkan atau cuba mendapatkan pendaftaran atau suatu perakuan pendaftaran di-bawah Akta ini dengan di-ketahui-nya membuat atau mengemukakan atau menyebab di-buat atau di-kemukakan sa-suatu akuan, perakuan, permohonan atau pernyataan palsu atau tipuan sama ada dengan bertulis atau sa-lain-nya ada-lah melakukan suatu kesalahan di-bawah Akta ini dan boleh apabila di-thabitkan di-kenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit."

*Akuan untuk di-tandatangani oleh Pemohon:*

Kapada Pendaftar,  
Lembaga Jurutera Malaysia.

Saya yang bertandatangan di-bawah ini dengan ini memohon untuk  
di-daftarkan sa-bagi sa-orang Jurutera Profesional dan membuat akuan  
saperti berikut:

\*(1) Saya :

- (a) ada-lah sa-orang Jurutera Siswazah,
  - (b) telah menjalani pengalaman praktik yang di-tetapkan,  
dan
  - \*(c) ada-lah sa-orang Ahli Perbadanan bagi Institusi Jurutera  
(Malaysia) atau
  - \*(d) telah memperolehi kelulusan<sup>2</sup> profesional yang berikut:
- .....  
.....  
.....

\*(2) Saya ada-lah sa-orang Ahli Perbadanan bagi Institusi Jurutera  
(Malaysia) pada 23hb Ogos, 1972.

\*(3) Saya ada-lah sa-orang jurutera *bona fide* dalam amalan per-  
sendirian pada 23hb Ogos, 1972.

\*(4) (a) Saya ada-lah sa-orang jurutera *bona fide* dalam jawatan  
bergaji,

(b) Majikan saya ia-lah.....  
.....

Saya dengan ini bersetuju untuk mematohi Kaedah<sup>2</sup> Jurutera, 1972  
termasok Tata Tingkah-laku Profesional.

*Tarikh.....*

*Tandatangan Pemohon*

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

**PERINGATAN :**

Pemohon hendak-lah mengemukakan salinan<sup>2</sup> yang di-perakui atau  
salinan<sup>2</sup> fotostat bagi surat<sup>2</sup> akuan, perakuan<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> suratan  
yang berkaitan bagi menyokong permohonan termasok, mengenai  
sa-saorang Jurutera Siswazah Berdaftar, bukti mengenai pengalaman  
praktik yang di-tetapkan itu.

**Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja**

Tarikh Di-terima: .....

Tarikh Di-edarkan kepada Ahli<sup>2</sup> Lembaga: .....

Keputusan Lembaga: .....

Di-luluskan: .....

Di-tolak: .....

Di-tanggohkan: .....

Sebab<sup>2</sup>: .....

.....

Tarikh Pemohon Di-beritahu: .....

Tarikh Bayaran Pendaftaran Di-terima: .....

Resit No.: .....

Di-hantar pada: .....

Di-chatitkan dalam Daftar: .....

No. Siri: .....

**BORANG C****KAEDAH<sup>2</sup> PENDAFTARAN JURUTERA, 1972**

(Kaedah 21)

Perakuan No. ....

**LEMBAGA JURUTERA  
MALAYSIA  
PERAKUAN PENDAFTARAN**

**INI ADA-LAH MEMPERAKUI BAHAWA**

Nama: .....

No. Siri Pendaftaran: .....

Alamat: .....

.....

Chawangan Kejuruteraan: .....

yang telah mematohi kehendak<sup>2</sup> Akta Jurutera, No. 66 tahun 1967 dan yang telah menjelaskan bayaran pendaftaran ada-lah dengan ini di-daftarkan sa-bagai sa-orang Jurutera Siswazah di-bawah peruntukan<sup>2</sup> Akta itu.

METERI: .....

*Pendaftar Malaysia*

Tarikh Di-keluarkan: .....

BORANG D  
 KAEDAH<sup>2</sup> PENDAFTARAN JURUTERA, 1972  
 (Kaedah 21)

Perakuan No.....

LEMBAGA JURUTERA  
 MALAYSIA  
 PERAKUAN PENDAFTARAN

INI ADA-LAH MEMPERAKUI BAHAWA

Nama : .....

No. Siri Pendaftaran : .....

Alamat : .....

Chawangan Kejuruteraan : .....  
 yang telah mematohi kehendak<sup>2</sup> Akta Jurutera, No. 66 tahun 1967 dan  
 yang telah menjelaskan bayaran pendaftaran ada-lah dengan ini di-  
 daftarkan sa-bagai sa-orang Jurutera Profesional dalam chawangan/  
 chawangan<sup>2</sup> kejuruteraan yang di-nyatakan di-atas tertaklok kapada  
 peruntukan<sup>2</sup> Akta itu.

METERI : .....  
*Pendaftar Malaysia*

Tarikh Di-keluarkan : .....

JADUAL KEDUA  
 (Kaedah 23)

Jabatan Kerja Raya  
 Jabatan Parit dan Taliayer  
 Lembaga Letrik Negara  
 Keretapi Tanah Melayu  
 Jabatan Talikom

Di-perbuat pada 25 haribulan Ogos, 1972.

THEAN LIP THONG,  
*Yang di-Pertua,*  
*Lembaga Jurutera*

Di-luluskan pada 5 haribulan September, 1972.  
 [KRT. O. 337; PN. (PU<sup>2</sup>) 47.]

DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG,  
*Menteri Kerja Raya dan Tenaga*

## REGISTRATION OF ENGINEERS ACT, 1967

66/67.

IN exercise of the powers under section 26 of the Registration of Engineers Act, 1967, the Board of Engineers with the approval of the Minister, hereby makes the following rules:

## PART I

## PRELIMINARY

Citation and commencement.

1. These rules may be cited as the **Registration of Engineers Rules, 1972.**

Interpretation.

2. In these rules, unless the context otherwise requires—

“President” means the President of the Board of Engineers appointed under section 3 of the Act;

“Professional Engineer in Private Practice” means a Registered Professional Engineer (other than a salaried employee) who is engaged in advising on engineering matters or in designing and supervising the construction of engineering works whether or not he is so engaged alone or in partnership;

“Secretary” or “Secretaries” means the person or the firm of professional secretaries or professional accountants appointed by the Board under rule 10.

## PART II

## ADMINISTRATION

Meetings of the Board.

3. The Registrar shall convene a meeting of the Board whenever requested to do so by the President or in writing by not less than five members of the Board.

Notice of meetings.

4. (1) Not less than fourteen days' notice in writing shall be given specifying the place, date and time of a meeting and the business to be conducted in such meeting.

(2) The accidental omission to give notice of a meeting under this rule to one or more members of the Board or the non-receipt thereof shall not in any manner affect the validity of or prejudice anything done or agreed to at such meeting.

Votes.

5. A resolution shall be proposed and seconded before being put to the vote. Voting shall be by show of hands or by secret ballot as may be decided by the President or the member presiding. A declaration by the President or the member presiding that a resolution has been carried by a particular majority, or not carried by a particular majority shall be conclusive, and an entry to that effect in the minutes of the meeting shall be conclusive evidence thereof without proof of the number or proportion of votes recorded in favour of or against such resolution.

Proxies not admitted.

6. Votes shall only be given by members present and voting.

Minutes.

7. Minutes of every meeting shall be kept by the Secretary or Secretaries and such minutes if purporting to be signed by the President or the member presiding of the next succeeding meeting shall be conclusive evidence of the facts stated therein.

Committees.

8. (1) The Board may from time to time by resolution appoint committees from amongst its members including the President who shall if present, preside at such meeting of a committee of which he is a member; and the Board may by resolution at any time dissolve any committee so appointed.

(2) A committee appointed under paragraph (1) may invite any person to attend its meeting and to take part in its deliberation but such person shall have no vote.

(3) The Registrar shall be an ex-officio member of all committees.

9. (1) The Registrar shall consult the President on any business other than of a routine nature requiring attention before each meeting of the Board. Registrar.

(2) The Registrar may receive such remuneration as the Board may determine from the funds of the Board.

10. (1) The Board may appoint a person or a firm of professional secretaries or professional accountants to act as Secretary or Secretaries for the Board. Secretaries.

(2) The Secretary or Secretaries shall keep the minutes of all meetings of the Board and its committees and shall send notices of meetings and perform such other functions as may be determined by the Board.

(3) The Secretary or Secretaries shall receive and be responsible for all monies payable to the Board and shall present—

(a) at each meeting of the Board a statement of account showing receipts and expenditure as on the last day of the previous month; and

(b) not later than 30th September in each year the audited accounts for the previous financial year.

(4) The Secretary or Secretaries may receive such remuneration as the Board may determine from the funds of the Board.

11. All payments received shall be deposited to the credit of the account of the Board with a bank or banks approved by the Board; provided that the Secretary or Secretaries may keep as petty cash a sum not exceeding fifty dollars. Bank account.

12. All cheques on the bank account of the Board shall, unless and until otherwise from time to time resolved by the Board, be signed by the President or in his absence by a member appointed for that purpose by the Board and two other members of the Board. Cheque.

13. (1) The Board shall cause to be kept and maintained proper accounts and records relating to— Accounts.

(a) the assets and liabilities of the Board;

(b) the sums of money received and expended by or under the authority of the Board.

(2) The books of accounts and records shall be kept in the custody of the Secretary or Secretaries or at such place as the Board may determine.

14. There may be paid to members of the Board such allowances for attending meetings of the Board or the committee thereof, such reasonable travelling expenses and subsistence allowances for being away from the town where they reside for performing the duties of the Board. Expenses of the Board.

15. The accounts of the Board shall at least once every year be audited by a firm of professionally qualified auditors to be appointed by the Board. Audit.

16. The financial year of the Board shall end on the 30th day of June. Financial year.

## PART III

REGISTRATION OF GRADUATE ENGINEERS  
AND PROFESSIONAL ENGINEERSForms of  
Application.

17. (1) Every person desirous of being registered as a Graduate Engineer under the Act shall make application to the Registrar on Form A in the First Schedule.

(2) Every person desirous of being registered as a Professional Engineer under the Act shall make application to the Registrar on Form B in the First Schedule.

Application to  
be submitted  
for considera-  
tion of the  
Board.

18. (1) Every application for registration made under rule 17 which is accompanied with the necessary supporting documents shall be submitted to the Board for consideration within fourteen days of receipt of the application.

(2) Every application for registration submitted to the Board under paragraph (1) shall be decided upon within three months of the date of submission.

Applicant to  
be notified.

19. Every applicant shall be notified of the decision of the Board by the Registrar within one month of the date of the decision.

Registration  
fee and  
failure to  
pay the fee.

20. (1) Any person whose application for registration as a Professional Engineer has been approved shall within three months of the date of notification under rule 19 pay a registration fee of one hundred dollars.

(2) No registration fee is chargeable in respect of registration of a Graduate Engineer.

(3) Failure to pay the registration fee within the period stipulated under paragraph (1) shall be treated as the application has been withdrawn by such person and no application from him shall be considered before the expiry of one year from the date on which his previous application was approved:

Provided that the Board may consider an application received before the expiry of the aforementioned period if it is satisfied that failure to pay the registration fee was for sufficient cause and reason.

Form of  
certificate of  
registration.

21. (1) A certificate of registration issued under section 10 (1) of the Act shall be in Form C of the First Schedule.

(2) A certificate of registration issued under section 10 (2) of the Act shall be in Form D of the First Schedule.

(3) All certificates of registration issued under the Act shall be signed by the Registrar and sealed with the common seal of the Board.

## Renewal fee.

22. The renewal fee for the certificate of registration shall be fifty dollars.

Practical  
experience.

23. (1) The practical experience that a Registered Graduate Engineer is required to obtain under section 10 (1) (b) of the Act in order to be entitled to apply for registration as a Professional Engineer is employment as an Engineer to the satisfaction of the employer for a minimum period of two years in any of the departments or authorities listed in the Second Schedule.

(2) A Registered Graduate Engineer applying for registration as a Professional Engineer must submit with his application proof in writing that he has complied with the requirements of paragraph (1).

**PART IV**  
**CODE OF PROFESSIONAL CONDUCT**

24. Unless it is otherwise expressly provided, the expression "employer" shall for the purposes of this Part, include client. Definition of "employer".
25. A Registered Engineer shall order his conduct so as to uphold the dignity, standing and reputation of the profession. Conduct of Registered Engineer.
26. A Registered Engineer in his responsibility to his employer and the profession shall have full regard to the public interest. Responsibility to employer and profession.
27. A Registered Engineer shall discharge his duties to his employer with complete fidelity. He shall not accept remuneration for services rendered other than from his employer or with his employer's permission. Discharge of duties.
28. A Registered Engineer shall not maliciously injure or attempt to injure whether directly or indirectly, the professional reputation, prospects or business of another Registered Engineer. Reputation etc. of a Registered Engineer not to be injured.
29. A Registered Engineer shall not improperly canvass or solicit professional employment nor offer to make by commission or otherwise payment for the introduction of such employment. He shall not advertise except for the purpose of obtaining a salaried appointment as permitted by the Board. Canvassing and advertising prohibited.
30. A Professional Engineer in Private Practice shall not practise engineering with any person whose registration has been cancelled unless he has been reinstated under section 17 (1) of the Act. A professional Engineer in Private Practice not to practise with any person whose registration has been cancelled.
31. A Registered Engineer shall not use the advantage of a salaried position to compete with Professional Engineers in Private Practice. A salaried Registered Engineer not to compete with Professional Engineers in Private Practice.
32. (1) No Registered Engineer other than a Professional Engineer in Private Practice may submit plans or drawings to any person or authority in the Federation unless such plans or drawings are in connection with equipment, plant or specialised products manufactured or sold by his employers or firm, or in connection with his own or his employer's engineering works and buildings. Restriction on submission of plans and drawings.
- (2) For the purposes of this rule, "employer" shall not include client.
33. A Professional Engineer in Private Practice shall not be a medium of payment made on his client's behalf unless he is so requested by his client nor shall he, in connection with work on which he is employed, place contracts or orders except with the authority of and on behalf of his client. Restriction on making payments or placing contracts.
34. A Professional Engineer in Private Practice shall not without the concurrence of the Board enter into professional partnership with any person other than a Professional Engineer in Private Practice, a Registered Architect, a Registered Surveyor or a Licensed Land Surveyor. Restriction on entering professional partnership.

A Professional  
Engineer  
in Private  
Practice shall  
not intervene  
or to take  
over the work  
of another.

35. A Professional Engineer in Private Practice shall not, directly or indirectly attempt to supplant another Professional Engineer in Private Practice nor shall he intervene or attempt to intervene in or in connection with engineering work of any kind which to his knowledge has already been entrusted to another Professional Engineer in Private Practice nor shall he review or take over the work of that other Engineer acting for the same employer, until he has either obtained the consent of that Engineer or has been formally notified by the employer that the engagement of that Engineer with the work has been properly terminated.

A Professional  
Engineer in  
Private  
Practice shall  
not be a  
contractor.

36. (1) A Professional Engineer in Private Practice shall not be a contractor at the same time.

(2) A Professional Engineer in Private Practice shall not act in a professional capacity for an employer and a contractor on the same project unless on the specific instructions of the employer.

#### FIRST SCHEDULE

##### FORM A

##### REGISTRATION OF ENGINEERS RULES, 1972

(Rule 17)

Application form for registration as a Graduate Engineer under section 10 of the Registration of Engineers Act, 1967.

*(To be completed by Applicant in BLOCK LETTERS:)*

Surname:.....

Other Names.....

Sex:..... Date of Birth:.....

Place of Birth:.....

.....

Citizenship: ..... Race: .....

Identity Card/Passport No.: .....

Place and Date of Issue: .....

Regular Business Address: .....

.....

Tel. No.: .....

Postal Address (if different from above): .....

.....

*Academic Qualifications:*

*Professional Qualifications/Training, if any:*

*Penalty for False Pretences.* Section 24 (a) of the Registration of Engineers Act, 1967: "Any person who procures or attempts to procure registration or a certificate of registration under this Act by knowingly making or producing or causing to be made or produced any false or fraudulent declaration, certificate, application or representation whether in writing or otherwise shall be guilty of an offence under this Act and shall be liable on conviction to a fine not exceeding two thousand dollars".

*Declaration to be signed by the Applicant:*

To the Registrar,  
Board of Engineers Malaysia,

I, the undersigned, hereby apply for registration as a Graduate Engineer and declare as follows:

I hereby, agree to abide by the Engineers Rules of 1972 including the Code of Professional Conduct.

Date..... *Signature of Applicant*

## NOTE:

Applicant should submit certified or photostat copies of testimonials, certificates and other relevant documents in support of the application.

**For Office Use Only**

Date Received: .....

Date Circulated to Board Members: .....

Decision of Board: .....

Approved: .....

Refused: .....

Deferred: .....

Reasons: .....

.....  
Date Applicant Notified: .....

Date Registration Fee Received: .....

Receipt No.: .....

Sent on: .....

Entered on Register: .....

Serial No.: .....

## FORM B

## REGISTRATION OF ENGINEERS RULES, 1972

(Rule 17)

Application form for registration as a Professional Engineer under section 10 of the Registration of Engineers Act, 1967.

(To be completed by Applicant in BLOCK LETTERS:)

Surname: .....

Other Names: .....

Sex: ..... Date of Birth: .....

Place of Birth: .....

.....

Citizenship: ..... Race: .....

Identity Card/Passport No.: .....

Place and Date of Issue: .....

Regular Business Address: .....

.....

Tel. No.: .....

Postal Address (if different from above): .....

.....

*Academic Qualifications:*

*Professional Qualifications/Training:*

*Penalty for False Pretences.* Section 24 (a) of the Registration of Engineers Act, 1967: "Any person who procures or attempts to procure registration or a certificate of registration under this Act by knowingly making or producing or causing to be made or produced any false or fraudulent declaration, certificate, application or representation whether in writing or otherwise shall be guilty of an offence under this Act and shall be liable on conviction to a fine not exceeding two thousand dollars.".

*Declaration to be signed by the Applicant:*

To the Registrar,  
Board of Engineers Malaysia.

I, the undersigned, hereby apply for registration as a Professional Engineer and declare as follows:

\*(1) I:

(a) am a registered Graduate Engineer,

(b) have undergone the prescribed practical experience, and

\*(c) am a Corporate Member of the Institution of Engineers (Malaysia) or

\*(d) have obtained the following professional qualification:

.....  
.....  
.....

\*(2) I am a Corporate Member of the Institution of Engineers (Malaysia) on 23rd August, 1972.

\*(3) I am a *bona fide* engineer in private practice on 23rd August, 1972.

\*(4) (a) I am a *bona fide* engineer in a salaried position,

(b) My employer is.....

.....

I hereby agree to abide by the Engineers Rules of 1972 including the Code of Professional Conduct.

Date.....

*Signature of Applicant*

\* Delete where not applicable.

NOTE:

Applicant should submit certified or photostat copies of testimonials, certificates and other relevant documents in support of the application including, in the case of a Registered Graduate Engineer, proof of the prescribed practical experience.

**For Office use only**

Date Received: .....

Date Circulated to Board Members: .....

Decision of Board: .....

Approved: .....

Refused: .....

Deferred: .....

Reasons: .....

.....  
Date Applicant Notified: .....

Date Registration Fee Received: .....

Receipt No.: .....

Sent on: .....

Entered on Register: .....

Serial No.: .....

**FORM C****REGISTRATION OF ENGINEERS RULES, 1972**

(Rule 21)

Certificate No. ....

BOARD OF ENGINEERS

MALAYSIA

CERTIFICATE OF REGISTRATION

THIS IS TO CERTIFY THAT

Name: .....

Registration Serial No.: .....

Address: .....

.....  
Branch of Engineering: .....  
having complied with the requirements of the Engineers Act, No. 66  
of 1967 and having paid the registration fee is hereby registered as a  
Graduate Engineer under the provisions of the Act.

Common Seal: .....

*Registrar Malaysia*

Date Issued: .....

Diterbitkan pada 25hb Januari, 1973—Tambahan No. 4 Perundangan (A)

**P.U. (A) 15.**

**AKTA PENDAFTARAN JURUTERA, 1967**

PADA menjalankan kuasa-kuasa di bawah seksyen 26 Akta Pendaftaran Jurutera, 1967, Lembaga Jurutera, dengan kelulusan Menteri, dengan ini membuat kaedah-kaedah yang berikut:

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pendaftaran Jurutera (Pindaan), 1973.** Nama.

2. Kaedah 20 dalam Kaedah-kaedah Pendaftaran Jurutera, 1972 (kemudian daripada ini disebut "kaedah-kaedah ibu") adalah dengan ini dipinda dengan menggantikan perkataan "satu ratus ringgit" yang terdapat di hujung perenggan (1) dengan perkataan "lima puluh ringgit". Pindaan bagi kaedah 20.  
P.U. (A)  
290/72.

3. Kaedah 23 dalam kaedah-kaedah ibu adalah dengan ini dipinda dengan menggantikan perenggan (1) dengan yang berikut— Pindaan bagi kaedah 23.

"(1) Pengalaman praktik yang dikehendaki diperolehi oleh seseorang Jurutera Siswazah Berdaftar di bawah seksyen 10 (1) (b) Akta itu untuk berhak memohon pendaftaran sebagai seorang Jurutera Profesional ialah—

(a) pekerjaan, bagi suatu tempoh minima selama dua tahun dan dengan memuaskan hati majikannya, sebagai seorang Jurutera di mana-mana jabatan atau pihak berkuasa yang disenaraikan dalam Jadual Kedua; atau

(b) mengenai seseorang Jurutera Siswazah Berdaftar yang telah diberitahu oleh Lembaga dengan bertulis bahawa tiada apa-apa pekerjaan sebagai seorang Jurutera boleh pada masa itu didapati di mana-mana jabatan atau pihak berkuasa yang disenaraikan dalam Jadual Kedua, pekerjaan, bagi suatu tempoh minima selama dua tahun dan dengan memuaskan hati majikannya, sebagai seorang Jurutera yang menjalankan kewajipan kejuruteraan di sesuatu firma yang menguruskan kerja-kerja kejuruteraan dan yang ada mempunyai, samada sebagai kongsi atau pekerja, sekurang-kurangnya seorang Jurutera Profesional yang mempunyai kelulusan dalam cawangan atau cawangan-cawangan kejuruteraan dalam mana Jurutera Siswazah Berdaftar itu mempunyai kelulusan."

4. Jadual Kedua kepada kaedah-kaedah ibu adalah dengan ini dipinda dengan menambah kepadanya jabatan-jabatan yang berikut— Pindaan bagi Jadual Kedua.

"Jabatan Galian".

"Jabatan Kilang dan Jentera".

Diperbuat pada 18 haribulan Januari, 1973.

**THEAN LIP THONG,  
Yang di Pertua, Lembaga Jurutera**

Diluluskan pada 19 haribulan Januari, 1973.  
[KRT. O. 337; PN. (PU<sup>2</sup>) 47.]

**DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG,  
Menteri Kerja Raya dan Tenaga**